

# **Anggun Siri Catan Batik Fatimah Chik**

*The Anggun Series in the Batik Painting of Fatimah Chik*

**Harozila Ramli**

Universiti Pendidikan Sultan Idris

harozila@fskik.upsi.edu.my

**Intan Khasumarlina Mohd Khalid**

Universiti Pendidikan Sultan Idris

## **Abstrak**

Batik Painting adalah hasil penelitian dan pengkajian pelukis Fatimah Chik terhadap berbagai-bagai variasi motif tradisional serta simbol-simbol yang berkaitan suku bangsa di rumpun Asia Tenggara. Hasil penelitian tersebut, maka terhasilah siri Anggun 1 sehingga 5 yang mengambil baju tradisional kebaya sebagai inspirasi subjek matter. Anggun siri 1-5 adalah hasil karya batik painting yang banyak memberikan ruang dan peluang pengkaryanya untuk mengeksplorasi kepelbagaiannya teknik yang mampu memberikan mesej tersendiri di setiap karya Anggun tersebut. Anggun siri 1-5 telah berjaya mengekalkan nama pelukis Fatimah Chik sebaris dengan pelukis terkenal di Malaysia.

**Kata Kunci** batik painting, gaya, mesej

## **Abstract**

*Batik Painting is the result of research and assessment, the artist Fatimah Chik conducted on a variety of traditional motifs and symbols related to Southeast Asia. As a result, she created a series of "Anggun" from first till fifth series to visualize the beauty of kebaya traditional dress that inspired her artwork. "Anggun" series not only shows the exploration variety of techniques in batik but also gives more message about the culture overall. Generally, "Anggun" series not just to highlight Fatimah Chik as a batik painting artist but it gives new revolutions and dimension in batik as a traditional craft before.*

**Keywords** batik Painting, style, message

## **Pengenalan**

Batik adalah satu hasil seni yang mampu bertahan seratus tahun lagi (Sumber: Temu bual dengan Fatimah pada 8 November 2006). Semangat cinta dan sayangkan seni batik telah lama bertapak di hati Fatimah Chik dan beliau bukanlah nama asing dalam dunia seni lukis tanah air. Pembabitannya dalam dunia seni membolehkan dirinya dikenali sebagai salah seorang pelukis catan batik yang terkenal di negara ini. Anak kelahiran Pontian, Johor ini merupakan salah seorang pelajar pertama, Institut Teknologi Mara, Shah Alam Selangor (kini UiTM). Memperolehi Ijazah dalam bidang tekstil dan pernah bekerja di Arts Centre, Kuala Lumpur dan bertitik tolak dari situ bermulanya langkah pertama beliau berkarya dan memperjuangkan 'batik painting' sehingga kini. Walaupun pelbagai cabaran dan saingan terdapat dalam seni lukis moden Malaysia, Fatimah Chik masih mempercayai 'batik painting' masih disukai dan mampu diterima oleh setiap lapisan masyarakat yang menghargai hasil seni .

Sebagai seorang pelukis dan juga sebagai tenaga pengajar di Malaysia Institute of Art (MIA), Fatimah Chik bertanggungjawab mencerahkan segala ilmu dan bakat seninya kepada generasi muda. Tidak hairanlah jika kini, ramai dalam kalangan bekas pelajar beliau, mampu berdikari dan memperjuangkan seni batik mengikut aliran dan keinginan masing-masing.

Pengalaman mengajar banyak membantu beliau dalam memberi idea-idea baru dalam berkarya. Walaupun usia sudah menjangkau 60 tahun, semangat dan bakat beliau tetap utuh dan masih terus aktif berkarya serta menyertai pameran-pameran seni tahun demi tahun samada di dalam

negara mahupun di luar negara. Fatimah Chik juga tidak terlepas untuk mempamerkan karyanya secara perseorangan. Pameran perseorangan beliau yang pertama pada tahun 1985 di Saujana Fine Arts Subang Jaya, Singapore High Commision Kuala Lumpur (1989), Batik and Tie-Die, Central Market, Kuala Lumpur (1990), seterusnya pada tahun 1993 di Ginza Rocket Park, Tokyo Japan dan pada tahun 2002 di MIA Art & Design Centre, Kuala Lumpur. Fatimah Chik tidak pernah mendiamkan diri dalam dunia seninya, pada tahun 2006 beliau mengadakan pameran Shibori Textile Show di TMS art@mustard Tree Restaurant Gallery. Beliau juga pernah memenangi pelbagai hadiah, salah satunya mendapat hadiah pertama Seni Reka Sejadah Kebangsaan 2002 anjuran Balai Seni Lukis Negara. Sebagai salah seorang tokoh terpenting dalam seni lukis batik Malaysia, karya-karya Fatimah Chik turut menjadi koleksi pelbagai pihak di antaranya Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur, Muzium Seni Singapura, Kampo Harada Art Museum, Tokyo, Philip Morris Malaysia, Kuala Lumpur, Bank Negara Malaysia, Mitsubishi, Tokyo, Japan dan Tokyo Gas, Tokyo, Japan.

Fatimah Chik seorang pelukis batik yang tidak pernah jemu untuk memperjuangkan seni batik dan mempunyai kekuatan semulajadi sebagai seorang pereka dan pelukis. Cintanya pada seni batik adalah kerana bagi beliau, batik ialah *translucence and very versatile* atau boleh diterjemahkan iaitu batik adalah sesuatu yang mengembang dan ianya boleh berubah dalam pelbagai bentuk serta tidak akan ketinggalan zaman.

Sememangnya Fatimah Chik terkenal dengan blok-blok motifnya dan menghasilkan karya batik berdasarkan teknik cetakan blok yang merupakan teknik tradisional untuk menghasilkan kain batik sarung. Kekuatan karya Fatimah Chik adalah terletak pada blok ciptaannya dan teknik kolaj yang dihasilkan. Gabungan motif-motif tradisional dan abstrak ini dianggap suatu yang unik dan tersendiri.

### Gaya Karya Batik Fatimah Chik

Arney (1987) menjelaskan bahawa dalam karya beliau, tema utama dalam karya beliau adalah merupakan kualiti proses membatik serta hasil karya dan yang paling dominan dalam karya beliau adalah kesan tekstura dan karektor permukaan yang terhasil adalah merupakan hasil dari batik itu sendiri. Di samping itu juga, karya Fatimah Chik dimantapkan dengan pencarian kesan visual, komposisi yang berstruktur dan kombinasi warna yang harmoni. Kesemua faktor ini adalah merupakan balikkan kepada keindahan yang diterjemahkan pada kesemua karya-karya beliau. Keseimbangan dari segi gabungan teknik blok ciptaannya dan teknik kolaj ini membawa perubahan dalam ‘batik painting’ yang kebiasaannya ditemui dalam bentuk permandangan dan gambaran kehidupan harian. Karya-karya Fatimah Chik ternyata unik serta berbeza dengan pengkarya batik yang terdahulu seperti Chuah Thean Teng, Khalil Ibrahim dan Tay Mo Leong. Najib Dawa pernah mencatatkan bahawa pada tahun-tahun 80-an motif-motif tanpa figura telah muncul semula dan usaha ini telah dilakukan oleh pelukis-pelukis Malaysia. Agama Islam yang menjadi paksi dalam masyarakat Melayu telah mendorong pelukis seperti Fatimah Chik untuk mengangkat lukisan batik ke suatu tahap yang lebih tinggi. Beliau telah mengadunkan elemen batik tradisi dengan corak-corak berciri islam lalu berjaya menelurkan bentuk seni yang baru, bersifat moden dan kemalaysiaan rupanya.

Pada awal pembabitan beliau dalam bidang batik, Fatimah Chik bermula dengan membuat penelitian dan kajian terhadap berbagai variasi motif tradisional serta simbol-simbol yang berkaitan suku bangsa di rumpun Asia Tenggara seperti Melayu, Dayak, Batak, Sumba, Minangkabau dan Toradja. Hasil daripada penelitian ini Fatimah Chik telah mengabungkan keunikan warna, bentuk dan simbol itu menjadi falsafah serta ikon yang menghidupkan karyanya.

Usaha serta idea Fatimah Chik tidak berhenti setakat itu sahaja malah proses ini telah berkembang dengan pengubahsuaian rekacorak serta komposisi yang abstrak. Karya-karya Fatimah Chik sebenarnya menyerap rasa kebudayaan dan keindahan rantau Asia Tenggara yang berterusan. Hal ini dapat dirujuk terhadap karya awal Fatimah Chik yang bertajuk “Nusantara series No.5”, (1982), “Nusantara series No.12”, (1985), “Nusantara Sunset”, (1986) dan “Reflection”(1987).

Leong Tuck Yee (2002) menyatakan bahawa Fatimah Chik adalah seorang yang berkebolehan dalam kalangan rakan-rakannya, mengutamakan karya beliau sebagai satu hasil karya yang menterjemahkan imej seni asean daripada menghadkan kepada kaum yang berbilang bangsa atau juga berkaitan sesuatu isu keagamaan. Leong Tuck Yee turut memberi ulasan tentang komposisi

dalam karya Fatimah Chik menyimpulkan bahawa Fatimah Chik lazimnya menghasilkan komposisi yang penuh simbolik dengan berdasarkan kepada pengelasan seni yang sering berada dalam lingkungan masyarakat itu sendiri. Beliau mengelaskan kepada tiga pengelasan yang utama iaitu langit (tempat di mana tuhan berada), gunung (manusia dan haiwan tinggal) dan air (rumah kepada naga). Pengelasan ini adalah berdasarkan kepada penghayatan seni masyarakat lampau serta metologi dan idea yang terhasil dari simbol yang berada di mukabumi ini.

‘Batik painting’ Fatimah Chik, amat terserlah; beliau yang dibesarkan dalam persekitaran alam semulajadi dan lingkungan keluarga berdarah seni ternyata mengaplikasikan semula semua unsur-unsur alam dan persekitaran pada karyanya. Terkini, beliau yang mengakui mempunyai kedua-dua kemahiran fesyen dan tekstil mengaplikasikan kedua-dua ilmu tersebut dengan menghasilkan ‘batik painting’ yang membawa perubahan dalam karyanya. Walaupun jiwanya menjurus kepada rekaan fesyen dan seni dekoratif tekstil, namun ilmu seni halus itu digunakan sepenuhnya dalam membantu beliau untuk menghasilkan seni ‘batik painting’ yang terbaik. Perubahan ini dilakukan oleh Fatimah Chik semasa menghayati isu kebaya yang pernah dinaikkan taraf keindahannya oleh Allahyarhamah Datin Seri Endon.

### **Karya Batik Fatimah Chik**

#### **a. Anggun No 1**

**(Rujuk salinan hard copy jurnal, bagi melihat gambar)**

Fatimah Chik, Kebaya Series (Anggun No 1)

2006, Batik, Saiz: 4' x 5'

“Anggun No 1” merupakan karya yang diterjemahkan daripada tema ‘Kebaya Series’ (2006), ianya memperlihatkan elemen fesyen yang diterapkan dalam ‘batik painting’ secara abstrak. Fatimah yang terkenal dengan blok-blok motifnya tetap mengekalkan identitinya menggunakan blok. Bezanya Fatimah tidak menggunakan blok-blok dari besi, malah diubah suai dengan menggunakan kepingan plastik yang berbentuk potongan baju kebaya, atau dalam istilah fesyen dipanggil sebagai *pattern*. Ini boleh dilihat pada karya “Kebaya Series (Anggun No 1)” (2006), (plat 3.16) yang jelas memperlihatkan *pattern* baju kebaya.

Menurut Fatimah Chik, berus juga digunakan bagi menampakan kesan sapuan yang pelbagai. Fatimah juga memperlihatkan kesan lilin yang agak banyak dan hasilnya warna putih memenuhi ruang latar bersama kesan teknik retakan yang dihasilkan. Segalanya dalam perancangan; ini boleh dilihat dengan cara penyusunan yang dibuat oleh beliau. Kepingan potongan-potongan corak kebaya ini disusun seimbang kiri dan kanannya sehingga kelihatan agak terkawal.

Jika dilihat dari segi penggunaan warnanya pula, menampakkan sedikit kelainan. Jika dahulu, karya-karya beliau mempunyai warna-warna yang harmoni dan melebihi dari 3 warna, tetapi dalam karya ini dibataskan kepada 1 atau 2 warna sahaja iaitu terang gelap warna akibat pertindihan oleh sapuan lilin sama ada sebelum atau selepas mewarna. Namun kesatuan tetap wujud.

#### **b. Anggun No 2**

**(Rujuk salinan hard copy jurnal, bagi melihat gambar)**

Fatimah Chik, Kebaya Series (Anggun No 2)

2006, Batik, Saiz: 4'x 6'

Begitu juga dengan “Kebaya Series (Anggun No 2)”, (2006), (plat 3.17). Karya ini, menampakkan kembali identiti seperti pada karya Fatimah yang dahulu tapi kali ini ia seolah-olah digabungkan dengan tema terkini. Fatimah Chik menggunakan kembali salah satu daripada blok-blok motifnya dan digabungkan dengan blok terkini. Fatimah juga mengekalkan salah satu daripada kegemaran beliau iaitu penyusunan secara *window*. Jelas segalanya kelihatan terancang, terkawal dan itulah identiti Fatimah Chik. Karya beliau agak terperinci. Walaupun beliau cuba menghasilkan secara abstrak namun seni dekoratif tetap kelihatan. Dari segi penggunaan warnanya pula, Fatimah Chik mengutarakan warna-warna harmoni dan konsisten. Menurut Fatimah Chik, sepanjang beliau berkarya yang paling penting ialah kefahaman dari segi teknologi dalam batik, dan sekaligus

pemahaman dari segi teknologi tekstil. Gabungan kedua-dua ilmu ini banyak membantu beliau dalam membuat pemilihan dari segi material seperti jenis kain, jenis pewarna dan cara penggunaannya yang betul dan tepat; penting bagi setiap pelukis memahami *textile technology*, kerana teknik tenunan dan kejadian sesuatu kain banyak membantu bagi mendapatkan kesan yang menarik semasa menghasilkan sesebuah karya (*Sumber: Temu bual bersama Fatimah Chik, 8 November 2006*)

#### c. Anggun No 3

(Rujuk salinan *hard copy* jurnal, bagi melihat gambar)

Fatimah Chik, Kebaya Series (Anggun No 3)

2006, Batik, Saiz: 6'x 6'

Melihat kepada karya-karya Fatimah Chik, ukuran bagi sesebuah karya beliau sememangnya memainkan peranan yang penting. Hal ini boleh dilihat pada karya ketiga “Kebaya Series, Anggun No 3” (2006), (plat3.18) yang berukuran 6' x 6'. Karya ini jelas menampakkan wujudnya perancangan dan masih lagi dalam lingkungan membentuk gunungan. Unsur alam masih dikekalkan. Seperti karya awal, kesan lilin (warna putih) dikekalkan sebagai sapuan utama bagi menampakkan alunan-alunan berus yang dirancang. Tidak seperti pelukis-pelukis batik yang lain, Fatimah tidak menggunakan canting malah mengantikannya dengan menggunakan berus. Menurut beliau canting hanyalah ‘tools’ ianya boleh digantikan menggunakan media lain mengikut keselesaan pelukis. Malah bagi beliau, yang paling penting dalam ‘batik painting’ ialah proses membatik, ‘batik painting’ perlu melalui proses membatik dengan betul. Perlu dimatikan warnanya dengan menggunakan sodium silikat agar keaslian ‘batik painting’ terpelihara dan mutunya terjamin. Mengenai kaedah ini Norazrita Abdul Aziz (2002) juga turut menyatakan: kaedah dan proses yang digunakan secara tradisional menjadikannya unik dan membezakan karya batiknya daripada pelukis batik lain. Kekuatan rekaan tekstil yang dihasilkan Fatimah dapat dilihat pada keseimbangan antara seni abstrak dan penggunaan simbol tradisional, warna dan bentuk geometri.

Fatimah Chik juga turut menyatakan bahawa ramai yang tidak tahu cara penjagaan ‘batik painting’ dengan betul. Dengan penjagaan yang salah sudah pastinya catan batik tidak akan bertahan lama. Kerana ini juga boleh menyebabkan salah faham dan semakin ramai yang gemar kepada seni batik campuran. Sikap ini juga menyebabkan kewujudan ‘batik painting’ pada setiap pameran-pameran agak terhad dan semakin menurun. Fatimah Chik juga berharap agar suatu hari nanti beliau sendiri akan mempunyai pelapis bagi meneruskan usahanya dalam mempertahankan ‘batik painting’ agar tetap digemari dan mendapat tempat setanding dengan seni-seni catan yang lain. Beliau terus mencari idea-idea yang terbaik dalam berkarya kerana cinta dan sayangkan seni batik.

#### d. Anggun No 4

(Rujuk salinan *hard copy* jurnal, bagi melihat gambar)

Fatimah Chik, Kebaya Series (Anggun No 4)

2006, Batik, Saiz:4' x 5'

Karya yang bertajuk “Kebaya Series, Anggun No 4” (2006), (plat 3.19), ditampilkan dengan agak ringkas namun masih mempunyai falsafahnya. Karya ini diadun dalam bentuk abstrak yang memberi suatu kelainan. Mengenai teknik penghasilannya pula, pada dasarnya teknik yang digunakan agak mudah, iaitu teknik pertindihan lilin dan warna yang dihasilkan mengikut lapisan yang dikehendaki oleh pelukis. Pada karya ini juga, Fatimah Chik memperlihatkan bentuk yang menyerupai figura wanita. Bermain dengan sapuan lilin yang agak kasar dan lebar, menjanjikan kelainan pada ‘batik painting’ ini. Namun Fatimah tetap mengekalkan imejnya yang begitu teliti dalam mengatur dan menggunakan kembali prinsip asas rekaan bagi memastikan karyanya terancang dan terkawal. Warna yang digunakan agak terkongkong namun menjanjikan kelainan. Begitu juga dengan penyusunan pada karya “Kebaya Series, Anggun No 5” (2006), (plat 3.20), yang kembali kepada kaedah pengulangan.

#### e. Anggun No 5

**(Rujuk salinan hard copy jurnal, bagi melihat gambar)**

Fatimah Chik, Kebaya Series (Anggun No 5)

2006, Batik, Saiz: 4' x 5'

Pengulangan yang disusun secara gunungan merupakan idea yang menarik. Idea lama tampil bersama olahan tema baru. Ruang pada karya ini digunakan dengan seimbang, motif-motif batik dicetak samar bagi menampakkan identiti Melayu. Menurut Fatimah, sekurang-kurangnya beliau menghasilkan 6 lapisan sapuan lilin dan warna bagi mendapatkan hasil yang memuaskan. Beliau juga menjelaskan, kegemarannya meninggalkan kesan lilin yang banyak bagi mendapatkan warna putih yang juga kelainan daripada beliau. Warna-warna yang terhasil juga tercetus dari teknik *overlapping atau* teknik pertindihan yang dilakukan. Walaupun tampil dengan idea-idea yang baru namun Fatimah Chik berjaya menghasilkan ‘batik painting’ yang kejadian sepenuhnya dengan kaedah tradisional.

Apabila bersama pelukis ‘batik painting’ ini, beliau menyuarakan hasrat agar suatu hari nanti, negara Malaysia mampu mempunyai sebuah muzium batik yang mempamerkan hasil-hasil seni, pelukis-pelukis ‘batik painting’ Malaysia. Beliau juga berharap agar ‘batik painting’ mampu bertahan dan dipandang tinggi setaraf dengan catan-catan yang lain. Menurut beliau lagi ‘batik painting’, satu-satunya catan yang mampu melambangkan budaya kita. Satu harapan yang murni, namun mampukah ‘batik painting’ bertahan? Kini, pameran-pameran yang disertai oleh ‘batik painting’ yang berasaskan proses tradisional semakin menurun atau mungkin tiada peningkatan. Siapakah yang patut berperanan mempertahankan ‘batik painting’, jika dianggap sebagai catan yang mampu melambangkan budaya kita.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, batik painting Fatimah Chik adalah hasil inspirasi daripada peristiwa dan pengalaman hidup hasil daripada pemerhatian daripada pengkaryanya. Karya Anggun terhasil berdasarkan penelitian kesenian baju tradisional Melayu Malaysia iaitu baju kebaya. Pengolahan garisan, teknik sehingga pemilihan warna menjadi garapan utama dalam mempersemprehankan karya yang diberi nama Anggun ini. Batik painting Anggun Series 1-5 berjaya meletakkan nama Fatimah Chik kekal sebagai salah seorang pelukis perempuan yang unggul di Malaysia.

## **Rujukan**

- Marco Hsu. (1999). *A brief history of Malayan art*. Singapore: Millenium Books.
- Meyer Shapiro. (1953). *Theory and philosophy of art: Style, artis and society*. New York: Geogre Braziller.
- Mulyadi Mahamood. (2001). *Seni lukis moden Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mulyadi Mahamood. (1995). *Seni lukis dalam peristiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pauziah Haji Abdullah. (1983). *Sejarah perusahaan batik dalam warisan*. Kelantan II: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Sarah Arney. (1987). *Malaysian batik: Creating new traditions*. Kuala Lumpur: Kraftangan Malaysia.
- Siti Zainon Ismail. (1986). *Reka bentuk kraftangan Melayu tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Leong Tuck Yee. (2002). Fatimah Chik: Elevating batik into a contemporary fine art form. Dalam *The Batik Art Of Fatimah Chik*. Kuala Lumpur: Redspot Design Centre.
- Norazrita Abdul Aziz. Pelopor batik masa kini. *Berita Harian* 7 Julai 2002. hlm. 9.